

PENGLIBATAN BRITISH DALAM PERNIAGAAN TODI DI KEDAH 1930 – 1940

Sanjeev a/l Vijayan

Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun, Gurun, Kedah Darul Aman

E-mail: bedong75@gmail.com

ABSTRAK

Artikel ini meneliti tentang penglibatan British dalam perniagaan todi di Kedah dari tahun 1930 hingga 1940 iaitu tentang peranan Kedai Todi Kerajaan yang menjual todi di kalangan buruh-buruh Estet, Jabatan Kerjaraya dan Keretapi Tanah Melayu. Permasalahan yang diteliti dalam kajian ini adalah tidak mencukupi serta kurang maklumat mengenainya. Kebanyakan kajian yang dijalankan telah menumpukan perhatian kepada masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh buruh-buruh India di estet-estet getah akibat minuman todi serta kesan-kesannya. Metodologi kajian ini berdasarkan sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk ialah Fail-fail Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), laporan tahunan Jabatan Kastam dan Jabatan Buruh di negeri Kedah. Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah buku, tesis dan jurnal. Hasil dapatan menunjukkan perincian tugas orang-orang terlibat dalam kedai todi kerajaan serta sumbangannya kepada negeri Kedah. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa kerajaan British di Kedah telah mengaut keuntungan dari jualan todi di kedai todi kerajaan yang telah dimonopolinya dari gaji buruh-buruh India. Kajian ini perlu diberikan perhatian dan tumpuan tentang bagaimana proses perniagaan tersebut berlaku dan pegawai-pegawai serta pekerja-pekerja yang terlibat menjayakannya.

Kata Kunci: Kedai todi kerajaan, minuman todi, Buruh-buruh India, Penglibatan British, Negeri Kedah.

1. Pengenalan

Artikel ini menumpukan perhatian kepada peranan dan pengurusan pentadbiran British dalam menjalankan perniagaan todi melalui Kedai Todi Kerajaan atau “*Government Toddy Shop*” di negeri Kedah pada tahun 1930 hingga 1940. Kajian ini melihat kepada jualan todi kepada buruh-buruh India di estet-estet getah, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Keretapi Tanah Melayu. Pentadbiran British yang dimaksudkan di sini ialah pentadbiran yang dijalankan oleh pegawai-pegawai British di bawah Kerajaan Negeri Kedah sejak tahun 1909 selepas negeri Kedah menerima penasihat British pada tahun tersebut. Kerajaan British telah memulakan perniagaan todi atas nama Kedai Todi Kerajaan di atas permintaan terhadap minuman keras tersebut oleh buruh-buruh India di estet-estet getah sejak penanaman getah mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada lewat abad ke- 19.

Amalan minuman todi dalam kalangan pekerja-pekerja India bermula di negara India dan telah bersambung di Tanah Melayu apabila pekerja-pekerja ini dihantar untuk bekerja di sana terutamanya di estet-estet getah. Walaupun wujud percanggahan pendapat tentang amalan minuman todi mengenai perkara ini. Namun begitu, amalan todi ini mula merebak disebabkan oleh pembukaan kedai-kedai todi berdekatan dengan tempat-tempat tinggal buruh-buruh dan ke semua estet yang ada pembahagian (*division*). (Parameswari & Hinduja). Minuman todi ini menjadi begitu terkenal diantara buruh-buruh India sehinggakan dalam “*Annual Report of The Agent of the Government of India In British Malaya For The Year 1930*” menyebut bahawa “*Toddy drink is a newly acquired habit to many Indian labourers in Malaya*”. Ini jelas menunjukkan bahawa amalan minuman todi telah meresap dalam jiwa buruh-buruh India di estet-estet getah dan menjadi ketagihan kepada mereka.

Terdapat tiga jenis kedai todi yang diwujudkan pada zaman pentadbiran British dan pengurusan estet getah berada ditangan pengurus-pengurus Eropah iaitu Kedai todi Kerajaan, Kedai todi Estet dan Kedai todi Awam (Parameswari dan Hinduja). Kedai todi kerajaan diuruskan oleh kerajaan negeri atau pentadbiran negeri-negeri selat bergantung kepada kawasan serta negeri kedai todi tersebut dimulakan. Todi yang dibekalkan dan dihantar oleh kontraktor todi yang berlesen untuk mengambil

todi dari pokok-pokok kelapa dan kontraktor ini bersetuju dengan jumlah todi yang perlu dijual secara “gallon” dan dihantar dua kali ke kedai. Kadar yang dibayar oleh kerajaan kepada pembekal todi berbeza untuk setiap negeri iaitu \$1.10 di Pulau Pinang dan Kedah \$1.00. Semua jumlah hasil jualan todi akan diberikan kepada kerajaan negeri. Kedai todi dibuka dari 10.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari.

Di samping itu, kita melihat kepada kedai todi umum yang diuruskan oleh tender di bawah pengawasan Kerajaan. Terdapat perjanjian diantara kerajaan dan tender yang berjaya serta masa jualan todi adalah sama seperti kedai todi kerajaan dan 40% keuntungan diperolehi oleh Jabatan Kastam. Kedai todi ini boleh mendapatkan keuntungan dengan mengurangkan ½ inci kole yang diminum oleh buruh-buruh.

Tambahan pula, terdapat tiga jenis todi yang diminum oleh buruh-buruh estet di Tanah Melayu iaitu todi segar yang tidak diperam atau dipanggil sebagai nira. Todi segar ini diberikan nama “pathani atau pathanir” dalam bahasa Tamil bermaksud manis. Todi ini tidak ada kandungan alkohol dan mempunyai rasa limau dan zat besi. Ia kaya dengan Vitamin B dan Calcium. Akhirnya ialah todi yang telah dicampurkan atau todi yang tidak asli (impure toddy). Ia merupakan todi yang dicampurkan dengan bahan-bahan lain seperti limau, alkohol, ganja dan ‘datura’ iaitu sejenis dadah tempatan India yang digunakan untuk racun dan ia merupakan perkara biasa di India. Campuran ini mempunyai bau yang berlainan daripada todi biasa.

Buruh-buruh India di estet getah merupakan golongan yang berpendapatan rendah yang bergantung kepada gaji seharian atau bulanan tetapi jika mereka tidak bekerja kerana mabuk dan tertidur di rumah maka mereka tidak diberikan gaji. Ada diantara mereka yang menghabiskan gaji mereka untuk membeli todi tanpa had sehinggakan mengabaikan isteri dan anak-anak di rumah. Perangkaan menunjukkan bahawa hampir 50% hingga 75% daripada pendapatan buruh digunakan di kedai todi. Ini jelas menunjukkan bahawa para buruh India di estet sanggup menggadaikan gaji mereka untuk membeli todi untuk menggalakkan ketagihan mereka.

Sebagai kesimpulannya, para sarjana lebih menumpukan perhatian kepada masalah-masalah sosial akibat ketagihan minuman todi tetapi kurang menumpukan perhatian kepada kedai-kedai menjual todi yang memainkan peranan utama merosakkan buruh-buruh India di estet-estet getah. Hasil daripada perbincangan di atas mengerakkan pengkaji untuk melihat peranan dan pengurusan British terhadap perniagaan todi melalui kedai todi kerajaan di negeri Kedah. Ini merupakan permasalahan yang akan dikupas dalam jurnal ini.

2. Metodologi kajian

Kajian yang dilakukan ini menggunakan kajian Arkib (*archival research*) untuk mendapatkan sumber-sumber pertama mengenai kedai todi kerajaan dan perpustakaan (*library research*) di dalam perpustakaan awam negeri dan perpustakaan di Universiti Sains Malaysia.

Antara sumber pertama yang sangat penting dalam kajian ini ialah rekod fail-fail kolonial Setiusaha Kerajaan Negeri (SUK) yang kebanyakannya terdiri daripada fail jabatan Kastam negeri Kedah yang terdiri daripada SUK 939/1357, SUK 1106/1357, SUK 970/1357, SUK 3612/1358, SUK 3813/49, SUK 938/1357, SUK 407/1357 dan SUK 2414/1359 ialah fail-fail tentang permohonan tender oleh Kontraktor todi kepada jabatan Kastam untuk kedai todi kerajaan. SUK 3300/48, SUK 3349/44 ialah mengenai pembukaan kedai todi kerajaan di Padang Serai dan Sungai Petani, SUK 1839/49 ialah mengenai deskripsi tugas dan peraturan-peraturan untuk menjalankan kedai todi kerajaan di Alor

Setar tahun 1350. SUK 889/51 ialah Surat perjanjian antara Kontraktor todi dengan Superintenden jabatan Kastam untuk menghantar bekalan todi ke kedai todi kerajaan. Manakala, SUK 3588/52, SUK 3582/1354, SUK 3924/1356, SUK 577/55 ialah maklumat tentang jumlah semua jenis kedai todi dan perolehannya mengikut tahun 1933 hingga 1937. SUK 1839/49, SUK 4218/53, SUK 538/49 dan SUK 588/1356 membantu pengkaji untuk mengetahui perbelanjaan serta perolehan tentang kedai todi kerajaan di Sungai Petani dan Alor Setar. Disamping itu, SUK 284/1355, SUK 3128/1359 membantu penyelidik mendapatkan maklumat tentang jawatan penjawat awam yang bekerja di kedai todi awam, SUK 472/1358, SUK 2014/1356, SUK 580/1357, SUK 3722/1355, SUK 3703/1356 merujuk kepada jawatan dan gaji yang diterima oleh pegawai kastam dan semua pekerja di kedai todi kerajaan.

SUK 3558/1354 dan SUK 3801/1355 membantu penyelidik mengetahui populasi buruh India di Kedah serta SUK 2022/1358 dan SUK 1336/1355 tentang petisyen terhadap kes todi tiruan dan campuran cuka di kedai todi kerajaan. Disamping itu, terdapat KAR Jabatan Buruh pada tahun 1935-1937 membantu pengkaji mengetahui tentang maklumat populasi buruh India di kedah, maklumat jenis kedai todi dan jumlahnya. Maklumat fail-fail ini didapati di Arkib Negara Cawangan Arkib Negara Malaysia sama ada di Kuala Lumpur dan cawangannya di Alor Setar.

Di samping itu, sumber kedua dicari berdasarkan kepada sumber-sumber yang diperakui kesahihannya dan berkenaan dengan tajuk iaitu buku kajian yang ditulis oleh Dr. Parameswari Krishnan mengenai “Todi Dalam kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu tahu 1900 – 1957” serta tulisan Dr. Azaruddin B. Md Dali tentang Sejarah Masyarakat India di Malaysia dan buku-buku lain yang penting difikirkan perlu untuk kajian ini.

Kepentingan untuk mencari sumber-sumber ini berdasarkan tajuk kajian serta mendapatkan bukti-bukti yang diperlukan untuk menjawab persoalan-persoalan serta objektif –objektif yang dikemukakan dalam kajian ini serta penulis mengharap kajian ini melengkapi persoalan tentang tabiat todi serta hubungannya dengan perniagaan British.

3. Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan supaya dapat mengisi kekosongan dalam penulisan mengenai proses penjualan todi oleh pentadbiran British melalui kedai todi kerajaan khususnya di Kedah serta mengetahui orang-orang yang terlibat dalam proses tersebut serta membincangkan sumbangannya terhadap pentadbiran British serta hasil Kerajaan negeri Kedah. Seterusnya, kajian ini menggalakkan perbincangan aspek peranan penjajah British yang mendapat keuntungan daripada kedai todi mereka dan perolehan yang diterima oleh mereka. Kajian ini membantu masyarakat Malaysia untuk memahami minda penjajah mengaut keuntungan dari kesensaraan masyarakat India yang bekerja di estet-estet getah, jabatan kerjaraya dan keretapi tanah Melayu.

Diharapkan kajian ini membantu memperkayakan serta menambahkan lagi pengetahuan sedia ada serta memperkukuhkan fakta-fakta sejarah mengenai tabiat minum todi serta peranan British yang jelas sekali membawa kemudaran kepada kaum India secara amnya.

4. Kedatangan Buruh-buruh India Selepas Abad ke 19

Pengimigrasian buruh-buruh India ke negeri Kedah awal abad ke-20 kerana wujudnya permintaan yang tinggi untuk penanaman getah di pasaran dunia pada ketika itu dan pihak British tidak mahu ketinggalan untuk memberikan persaingan kepada negara Amerika serta Belanda yang sedang mengaut keuntungan yang sedia ada dalam pasaran dunia. Langkah-langkah telah diambil oleh

penjajah British untuk mewujudkan ladang-ladang getah di negeri-negeri Melayu Utara terutamanya di Kedah supaya penanaman getah dapat dipergiatkan sepertimana yang telah dirancang dan dilaksanakan di negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) seperti di negeri Perak dan Selangor pada akhir kurun ke-19. Dengan pembukaan ladang-ladang getah ini maka British telah bersungguh-sungguh untuk memastikan kelangsungan penanaman getah untuk menghasilkan keuntungan lumayan bagi pihaknya.

Disamping itu, kehadiran orang-orang India Selatan ke Tanah Melayu adalah tidak seperti dahulu kala sebagai pedagang dan mubaligh agama Hindu-Buddha tetapi berubah menjadi buruh-buruh dan kuli di kawasan ladang teh dan tebu pada akhir abad ke-19. Menurut Robert A. Ankiah, menyebut tentang kehadiran orang-orang India ke Tanah Melayu iaitu Masyarakat India tidak datang lagi sebagai pengeksploit keuntungan di Tanah Melayu seperti sebelumnya tetapi sebagai golongan yang dieksploit oleh British.

Kenyataan ini jelas menunjukkan sikap British membawa buruh-buruh India Selatan terutamanya orang-orang Tamil untuk bekerja di ladang-ladang teh dan tebu dan seterusnya membawa mereka secara besar-besaran pada awal abad ke-20. Tujuan utama British berminat untuk membawa orang-orang India Selatan kerana getah mempunyai pasaran yang tinggi pada ketika itu kerana kepelbagaian kegunaan getah terutamanya dalam industri kenderaan bermula di Amerika Syarikat. Selanjutnya ialah sikap buruh-buruh India Selatan yang menarik minat penjajah British untuk mengambil mereka bekerja kerana mereka “*tiada bandingannya di dunia.....serta patuh kepada disiplin dan cepat menyesuaikan diri dengan sebarang kerja*”. Mereka juga “berpuas hati dengan gaji yang rendah diberikan kepada mereka” malah orang-orang Tamil sukakan “Tuan yang tegas” (Major David Ng dan Muzafar D.J. Tate, 1989).

Pihak British inginkan buruh-buruh yang boleh mereka kawal dan mudah mendengar arahan serta mempunyai masalah minima dalam menguruskan buruh-buruh ini. British mendapati buruh-buruh India Selatan terutamanya etnik Tamil mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan permintaan mereka. Pengalaman British mentadbir Tamil Nadu sebuah negeri di Selatan India memberikan pengalaman untuk mengambil buruh-buruh dari sana. Menurut Parameswari Krishnan, terdapat 80% daripada orang-orang India Selatan yang bermigrasi ke Tanah Melayu adalah terdiri daripada etnik Tamil. Daripada perangkaan ini, British telah menggunakan pelbagai cara untuk menarik perhatian buruh-buruh Tamil termasuk menawarkan minuman todi sebagai faktor penggalak dan sebagai daya tarikan yang penting. Ini jelas menunjukkan bahawa British telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mengeksploitasi buruh-buruh India terutamanya etnik Tamil untuk bekerja di ladang-ladang getah.

Seterusnya, galakan pihak British telah membawa kepada imigrasi buruh-buruh India Selatan ke Kedah yang berlaku pada tahun 1910 setelah British menguatkuasakan kehadiran mereka secara beramai-ramai dengan Enakmen Imigrasi India setelah diluluskan oleh Majlis Negeri Kedah pada 18 Julai 1910. Sejak daripada tarikh berkenaan, bilangan buruh-buruh imigran India telah meningkat dengan mendadak di negeri Kedah untuk memenuhi keperluan untuk menguruskan pekerjaan di ladang getah.

5. Sejarah Pembukaan Kedai-kedai Todi di Kedah

Kedatangan buruh-buruh India ke Kedah berlaku selepas campurtangan British dalam hal-ehwal negeri tersebut iaitu melalui Perjanjian Inggeris- Siam atau Perjanjian Bangkok pada tahun 1909 yang merupakan ‘kemuncak pengukuhan imperialisme British di Tanah Melayu’(Parameswari 2021).


British telah memperkenalkan penanaman getah sebagai tanaman komersial untuk mengaut keuntungan besar dalam sektor pertanian tersebut. Disamping itu, tenaga buruh amat diperlukan untuk mencapai hasrat tersebut, maka British telah mengimport buruh-buruh India daripada India Selatan ke negeri Kedah untuk mengerjakan tanaman getah di ladang-ladang getah di seluruh negeri ini.

Penghijrahan buruh-buruh India berlaku pada tahun 1910 dengan British menumpukan perhatian kepada dua tempat di Kedah iaitu di daerah Kuala Muda dengan menempatkan 760 buruh-buruh India dan di daerah Kulim iaitu sebanyak 715 buruh. (Tan Chun Huwah,1996/97). Sejak kehadiran buruh-buruh India, maka telah bermulanya ketagihan todi di kalangan buruh dengan kewujudan kedai-kedai todi di Kedah. Menurut Parameswari, kedai todi yang mula direkodkan pada tahun 1928 ialah kedai todi awam dan ladang. Terdapat 29 buah kedai todi awam dan 89 kedai todi ladang pada masa tersebut di Kedah. Seperti yang telah diterangkan dalam bahagian-bahagian yang lalu, pembukaan kedai todi estet telah menyemarakkan tabiat minum todi di kalangan buruh-buruh India.

Pentadbir-pentadbir British di Kedah telah mengambil langkah-langkah teliti untuk memastikan hasil jualan todi memberikan pendapatan lumayan kepada mereka. Langkah berkenaan ialah untuk mewujudkan satu suruhanjaya bagi melaporkan penjualan dan penggunaan todi di Kedah. (Tan Chun Huwah,1996/97). Suruhanjaya tersebut diketuai oleh beberapa jabatan kerajaan negeri untuk memastikan perniagaan todi berjalan lancar supaya ia memberikan sumbangan kepada hasil mahsul negeri Kedah. Jabatan-jabatan seperti Jabatan Buruh, Jabatan Kewangan dan Jabatan Kastam dan Eksais serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memainkan peranan utama dalam perniagaan ini. Kordinasi atau gabungjalanan diantara jabatan-jabatan ini memastikan perniagaan todi di negeri Kedah berjalan lancar melalui surat menyurat serta penghantaran memo ke ketua jabatan masing-masing. (Fail SUK 922/1356, Fail SUK 356/1357 serta Annual Report of Labour Department Kedah Year 1938).

6. Deskripsi Tugas Semua Pekerja yang Terlibat dalam Kedai Todi Kerajaan

Pentadbiran British di negeri Kedah telah memastikan bahawa segala bentuk perniagaan serta usahasama yang memberikan keuntungan kepada mereka, perlu mempunyai struktur organisasi yang mantap dan berwibawa. Setiap pegawai kerajaan mahupun pekerja-pekerja mempunyai peranan dan tanggungjawab penting untuk melaksanakan tugas yang diberi. Di dalam Rajah 3.1 di bawah menunjukkan struktur organisasi yang telah dibentuk oleh pengkaji hasil daripada maklumat-maklumat yang diterima daripada fail-fail SUK. Fail-fail ini sedikit sebanyak merekodkan perjalanan organisasi perniagaan todi di kedai todi kerajaan yang terdapat di negeri Kedah berdasarkan bukti-bukti arahan serta laporan-laporan yang dibuat oleh pegawai-pegawai yang berkenaan terhadap gerakan dan situasi kerja yang berlaku dalam organisasi tersebut.



Rajah Error! No text of specified style in document..1 Carta Organisasi Perniagaan Todi di Kedai Todi Kerajaan, Kedah.

Carta Organisasi ini dibentuk dan disesuaikan berdasarkan kepada sumber-sumber dari fail SUK:-

- | | |
|----------------------------------|-----------------------------------|
| a) SUK 2414/ 1359H (Tahun 1940) | e) SUK 3474 / 1353H (Tahun 1932) |
| b) SUK 3612 / 1358H (Tahun 1939) | f) SUK. 3924 /1356H (Tahun 1935) |
| c) SUK 2022/ 1358H (Tahun 1939) | g) SUK. 3588 / 1352H (Tahun 1933) |
| d) SUK 2014 / 1356H (Tahun 1935) | h) SUK. 1839 / 1349H (Tahun 1930) |

Carta organisasi di atas (Rajah 3.1) menunjukkan dari Jabatan-jabatan serta orang perseorangan yang terlibat dalam perniagaan todi kerajaan yang dijalankan oleh British di Kedah. Carta organisasi ini dirangka dan disesuaikan oleh penyelidik berdasarkan kepada sumber-sumber daripada fail-fail SUK negeri Kedah yang berbentuk surat menyurat dan lain-lain maklumat. Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura dan Agent of Kerajaan India di Malaya pada peringkat atas sehingga ke beberapa jabatan dan pekerja-pekerja di kedai todi. Jabatan yang paling utama menjalankan organisasi perniagaan todi ialah Jabatan Kastam dan Eksais diketuai oleh seorang Superintenden. Disamping itu, jabatan yang turut bekerjasama ialah Lembaga Perlesenan Negeri Kedah yang meluluskan lesen untuk kontraktor todi menjalankan perniagaan menghantar bekalan todi ke kedai-kedai todi kerajaan. Tambahan pula, Jabatan Buruh pula menjadi ahli dalam Lembaga Perlesenan. (Labour Department Year 1937).

Seterusnya, jika dilihat di dalam organisasi Superintenden Monopoli dan Kastam dari Jabatan Kastam, terdapat dua kumpulan yang bekerja dibawahnya terdiri daripada kontraktor yang menjual todi, penoreh todi, tuan tanah yang menjadi penyewa pokok kelapa dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam perniagaan di kedai todi kerajaan ialah pegawai pemeriksa todi atau Inspektor atau *Out Door Officers* (O.D.O), Kerani Todi, mata-mata atau polis bantuan yang menjaga kedai todi serta kuli pembersih todi. Carta organisasi ini penting untuk menunjukkan perjalanan kerja serta pergerakan organisasi yang menjalankan perniagaan todi di pihak kerajaan.

7. Penerangan tentang Perjanjian Tender diantara Jabatan Kastam dan Kontraktor

Apabila tender kontraktor todi dipilih oleh pihak kastam setelah mendapat maklumat-maklumat terperinci tentang jumlah pokok yang ditoreh, tempat pokok-pokok ditanam, nama pemilik atau penyewa pokok, jumlah penoreh todi diberikan kerja serta jangkaan bekalan todi mengikut gallon untuk dihantar serta akhirnya kadar todi mengikut gallon dalam sen. (Fail SUK 407/1357). Kontraktor perlu menandatangani “Perjanjian Kedai Tuak Kerajaan” setelah melihat syarat-syarat yang dikenakan dan menerima cagaran sebanyak \$500/- jika kontraktor berkenaan memungkir janji. Kontraktor juga bersetuju untuk menghantar bekalan tuak berdasarkan kepada tempat-tempat yang terdapat kedai todi kerajaan mengikut gallon sepertimana perjanjian diantara Che Kassim, Superintenden Kastam dengan kontraktor M.Palaniandi telah membuat perjanjian pada tarikh 12 Muharram 1351 bersamaan 18 Mei 1932. Dalam perjanjian tersebut, M.Palaniandi bersetuju untuk menyediakan bekalan tuak mengikut gallon untuk dihantar ke kedai-kedai todi kerajaan seperti di Alor Setar iaitu 80 gelen, Sungai Patani -70 gelen, Kulim – 50 gelen, Lunas- 50 gelen dan Padang Serai – 70 gelen, mengikut perjanjian dengan harga 16 sen segelen. Pihak kerajaan melalui kedai todi yang dibiayainya dapat menjalankan perniagaan sepertimana yang telah dirancang tanpa sebarang gangguan bekalan todi.

8. Tindakan Pemilihan Tender oleh Superintenden

Untuk memastikan bahawa tender todi yang dikemukakan oleh para kontraktor mendapat perhatian yang wajar bagi pihak kerajaan, maka jabatan kastam menyenaraikan kontraktor-kontraktor yang berpotensi untuk memberikan pilihan bekalan todi terbaik pada pihak kerajaan untuk dibekalkan ke kedai todi kerajaan. Jabatan kastam menyenaraikan kontraktor-kontraktor ini mengikut pilihan yang bersesuaian dan memenuhi kriteria yang dikehendaki. Misalnya, didalam memorandum yang telah disediakan oleh Superintenden Jabatan Kastam pada tahun 1940 iaitu Tunku Md. Jewa kepada Tuan Setiausaha kerajaan negeri memberitahu pilihannya mengenai kontraktor-kontraktor tersebut. Beliau telah memilih Tender No.11 yang bernama S.M. Sathumathavan Pillai untuk memberikan bekalan todi di kedai todi kerajaan yang terletak di Alor Setar, Kodiang dan Sungai Petani kerana harga segelen yang dinyatakan adalah paling murah dan berpatutan berbanding kontraktor lain iaitu sebanyak

13 ½ sen se-gelen untuk Alor Setar, 16 sen se-gallon untuk Kodiang dan 13 ½ sen se-gelen untuk kedai todi kerajaan di Sungai Petani. (Fail SUK 2414/59).

Sebagai merumuskan perbincangan ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa superintenden haruslah mengetahui latarbelakang para kontraktor untuk melantik tender bekalan todi supaya pemilihan yang adil dapat dilakukan serta pilihan untuk memberikan tender yang sederhana murah adalah penting bagi memastikan para kontraktor dapat berniaga dengan baik. Kontraktor yang tinggal jauh di luar negeri tidak diberikan peluang untuk mendapatkan tender kerana dikuatiri akan melambatkan penghantaran bekalan todi ke kedai todi kerajaan serta tidak mengetahui keadaan tempatan serta penduduknya.

9. Jumlah Kedai-kedai Todi dan Perbezaan Dari Kuantiti

Jadual 4.1 menunjukkan jumlah kuantiti kedai todi di kedai todi kerajaan, awam dan ladang di negeri Kedah antara tahun 1930 hingga 1937. Walaupun maklumat tentang jumlah kuantiti jenis kedai diambil bermula dari tahun 1928 namun pengkaji hanya mengambil data dari tahun 1930 yang meliputi skop kajiannya. Pengkaji juga menambah bahagian jumlah kedai dalam jadual ini untuk menunjukkan jumlah keseluruhan kedai.

Jadual Error! No text of specified style in document..1 - Jumlah Kedai Todi Kerajaan, Awam dan Ladang di negeri Kedah antara Tahun 1930 hingga 1937.

Tahun	Kedai Todi Kerajaan	Kedai Todi Awam	Kedai Todi Ladang	Jumlah Kedai
1930	1	24	98	123
1931	3	16	112	131
1932	5	14	65	84
1933	6	12	75	93
1934	5	12	75	92
1935	5	10	82	97
1936	8	7	84	99
1937	8	6	90	104

Sumber : Disesuaikan daripada *Annual Report On Social and Economic Progress Of The People of The State of Kedah For The Year 1355 A.H & 1356 A.H.*, Alor Setar: The Kedah

Government Press, 1937&1838; *Annual Report of The Labour Department Kedah For The Year 1353, Report Tahunan Pejabat Kuli Kedah tahun 1353*, dalam Fail Setiausaha kerajaan Negeri Kedah, Kedah Secretariat File 810/1354.

Berdasarkan kepada jadual 4.1 di atas, kedai todi kerajaan mula dibuka pada tahun 1930 dengan sebuah kedai manakala kedai todi awam meningkat sebanyak 24 kedai dan kedai todi ladang terus berada di tangga atas dengan 98 kedai. Jumlah ketiga-tiga kedai pada tahun tersebut ialah 123 buah kedai. Pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1931, kedai todi kerajaan telah meningkat kepada 3 kedai manakala kedai todi awam berkurang sebanyak 8 kedai kepada 16 tetapi kedai todi estet terus meningkat dari 98 kedai ke 112 dengan penambahan sebanyak 14 buah kedai yang mewakili sebanyak 85.4% daripada jumlah keseluruhan kedai pada tahun tersebut.. Pada tahun tersebut , kedai todi ladang berkurang sebanyak 47 kedai kepada 65 buah kedai. Seterusnya, dari perangkaan yang ditonjolkan selama 8 tahun menunjukkan kedai todi kerajaan bertambah kepada 8 kedai manakala

kedai todi awam telah menurun sehingga 6 kedai tetapi kedai todi ladang meningkat pada 90 buah kedai walaupun berkurang pada tahun 1933 dan 1934.

Daripada perangkaan di atas menunjukkan bahawa pertumbuhan kedai todi ladang meningkat mendadak manakala kedai todi kerajaan menunjukkan peningkatan yang sedikit demi sedikit dan kedai todi awam mempamerkan penurunan mendadak dalam masa lapan tahun. Kedai todi kerajaan tidak dapat bersaing dengan kedai todi estet dari segi kuantiti namun tetap meneruskan perniagaan todi walaupun pihak kerajaan menerima keuntungan dari kedai-kedai lain melalui pemberian lesen membuka kedai todi untuk kedai todi awam dan kedai todi estet serta mendapat keuntungan daripada kedua-dua kedai tersebut.

10. Keuntungan Hasil Perolehan todi mengikut Kedai

Jadual 4.2 dibawah menunjukkan perbezaan hasil todi berdasarkan kedai-kedai todi mengikut tahun. Jadual ini telah diubahsuaikan mengikut maklumat-maklumat yang diperolehi dari Fail SUK dari tahun 1933 hingga 1937.

Jadual Error! No text of specified style in document..2 Perbezaan Hasil Todi Mengikut Tahun

Berdasarkan Jenis-jenis Kedai Todi

No	Tahun	Jenis Kedai Todi	Jumlah Hasil (Setahun)
1.	1933	Kerajaan	\$29,589.00
		Awam	\$34,766.00
		Estet	\$52,099.00
2.	1934	Kerajaan	\$34,786.88
		Awam	\$42,567.00
		Estet	\$65,622.67
3.	1935	Kerajaan	\$ 36,634.53
		Awam	\$51,204.00
		Estet	\$80,327.46
4.	1936	Kerajaan	\$ 39,965.00
		Awam	\$35,449.00
		Estet	\$89,597.00
5.	1937	Kerajaan	\$ 42,622.00
		Awam	\$ 19,375.00
		Estet	\$116,997.00

Sumber :- Diubahsuaikan dan diambil dari *Fail SUK 3588/1352,3474/1353,3582/1354, 3834/1353 dan 3924/56.*

Jadual 4.2 menunjukkan perbezaan hasil todi mengikut tahun berdasarkan jenis-jenis kedai todi. Pada tahun 1933, jumlah hasil daripada jualan todi untuk setahun ialah \$29,589.

Namun begitu, kedai todi awam meningkat sebanyak \$5,177 kepada \$34,766. Kedai todi estet mempunyai kutipan hasil yang terbanyak pada tahun tersebut iaitu \$52,099. Seterusnya, pada tahun berikutnya, kedai todi kerajaan meningkat kepada \$34,786.88 dengan perbezaan sebanyak \$5179.88 dari tahun sebelumnya. Manakala kedai todi awam turut naik sebanyak \$7,801 kepada \$42,567. Kedai todi estet mendapat \$65,622.67 berbeza sebanyak \$13,523.67 dari tahun sebelumnya. Pada tahun 1935, kedai todi kerajaan mempunyai hasil sebanyak \$36,634.53 dan kalau dibandingkan dengan kedai todi awam yang meningkat kepada \$51,204 dan kedai todi estet paling menguntungkan dengan

mendapat hasil sebanyak \$89,597.00. Akhirnya, pada tahun 1937, kedai todi estet mencatatkan hasil keuntungan yang lumayan iaitu sebanyak \$116,997.00. Pencapaian hasil keuntungan oleh kedai todi estet tidak dapat ditandingi oleh hasil kedua-dua kedai todi tersebut.

Daripada hasil keuntungan yang diperolehi, dapat dilihat bahawa kedai todi kerajaan meningkat secara perlahan manakala kedai todi awam meningkat pada tahun 1935 tetapi merosot pada tahun 1936 sebanyak \$19,375.00. Perkara ini berbeza dengan hasil kedai todi estet mendapat keuntungan yang paling besar dalam 5 tahun ini.

Kesimpulan daripada jadual ini menunjukkan bahawa kedai todi kerajaan tidak mampu untuk bersaing dengan kedai todi estet kerana faktor pelanggan yang banyak di estet-estet. Kedai todi awam tidak mendapat sambutan sepertimana kedai todi kerajaan di pekan kerana kehilangan pelanggan serta kemungkinan pelanggan beralih citarasa ke kedai kerajaan.

11. Keuntungan yang diperolehi dari Kedai Todi Kerajaan mengikut tahunan

Jadual 4.3 menunjukkan perolehan hasil setahun dari kedai todi kerajaan dari tahun 1933 hingga 1937 serta jumlahnya jadual ini telah diubahsuai daripada maklumat-maklumat fail .

Jadual Error! No text of specified style in document..3 Perolehan Hasil Setahun dari Kedai Todi Kerajaan dari tahun 1933 hingga 1937

Bil	Tahun	Perolehan Hasil Setahun dari Kedai Todi Kerajaan
1.	1933	\$ 29,589.00
2.	1934	\$ 34,786.88
3.	1935	\$ 36,624.53
4.	1936	\$ 39,965.00
5.	1937	\$ 42,662.00
	Jumlah	\$ 183,587.41

Sumber :- Diubahsuai dan diambil dari *Fail SUK 3588/1352,3474/1353,3582/1354, 3834/1353 dan 3924/56*.

Jadual 4.3 diatas menunjukkan perolehan dari hasil kedai tuak kerajaan meliputi semua kawasan di Kedah dari tahun 1933 hingga 1937. Jumlah keseluruhan kutipan hasil adalah sebanyak \$ 183,583.41. Ia merupakan jumlah keuntungan bersih yang diperolehi oleh pentadbiran British di Kedah selama 5 tahun. Pentadbiran British menggunakan perolehan ini untuk pelbagai perkara iaitu untuk sebagai modal untuk membuka kedai todi kerajaan yang lain, membangunkan struktur negeri Kedah serta kebajikan untuk rakyat negeri Kedah namun tidak ada rekod yang menunjukkan bahawa wang ini digunakan untuk kebajikan buruh-buruh India di estet. Ini kerana wang tersebut telah diambil dari kedai todi estet yang menyumbangkan 60% hasil jualan todi tetapi setelah mendapat keuntungan bersih barulah kebajikan orang-orang India diberikan perhatian. (Parameswari,2021).

12. Kesimpulan

Kajian yang dibuat oleh penyelidik tentang penglibatan British dalam perniagaan todi di Kedah yang menumpukan perhatian kepada kepada kedai todi kerajaan adalah satu bentuk pengkajian yang baru menumpukan tentang sejarah kedai todi kerajaan dan bagaimana pihak British mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam perniagaan ini. Kebanyakan kajian yang dibuat oleh penyelidik menumpukan perhatian kepada sejarah ketagihan todi secara keseluruhan yang melibatkan buruh-buruh India di estet, namun begitu, kajian ini melihat kepada maklumat-maklumat baru tentang

perniagaan yang menjual todi oleh pihak pentadbir British yang menjadi satu bahagian baru yang perlu diterokai. Namun maklumat-maklumat serta fakta-fakta tentang organisasi bagaimana perniagaan ini dijalankan serta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dan membuka ruang baru untuk pengkajian masa depan. Ia juga memperkayakan kajian tentang masyarakat India yang merupakan masyarakat yang hidup bersama dalam masyarakat majmuk serta membuang tohmahan yang mengatakan bahawa buruh-buruh India adalah golongan pemabuk malah fakta baru ini akan menunjukkan perbuatan British yang menjadi dalang kepada masalah ketagihan todi dan arak masyarakat India sehingga kini.

Kajian mengenai penglibatan British dalam perniagaan todi hanya menumpukan perhatian kepada kedai todi kerajaan di negeri Kedah sahaja. Kajian ini perlu dikembangkan lagi dan melihat kepada maklumat dan peranan kedai todi kerajaan di peringkat negara serta memerlukan kajian-kajian yang mendalam mengenai hasil perolehan kedai todi kerajaan memberikan sumbangan kepada kerajaan British di Tanah Melayu serta Kerajaan British secara amnya. Kajian juga perlu dilakukan untuk melihat sektor-sektor kerajaan yang menerima saluran perbelanjaan hasil dari Kedai Todi Kerajaan di seluruh negeri. Akhirnya kajian harus dilakukan tentang maklumat sama ada kaum India mendapat manfaat atau bantuan hasil daripada perbelanjaan yang mereka lakukan terhadap ketagihan todi.

Rujukan

A) Sumber Primer

1. Fail SUK

- Fail SUK 938/1357H. (1936) *Petitions regarding His application for The Supply of Toddy to Government Toddy Shops in Kedah by Velusamy Nadar, Sungai Petani*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 922/1356. (1936). *Annual Report of Monopolies and Customs Kedah for the Year 1355*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 356/1357. (1938) *Annual Report of Labour Department Kedah for the Year 1357*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 538/49. (1930). *Statement of Profits Derived From The Government Toddy Shop. Alor Setar 1349H/ 1930*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 1839/49. (1930). *Surat daripada Setiausaha Jabatan Perlesenan, Kedah Tengah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah pada 21hb Jamadilakhir 1349H*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 3454/53. (1934). *Number of Government , Public and Estate Toddy Shops in Unfederated Malay States (UMS) and Total Amount Of Revenue For The Year 1934*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 577/55. (1936). *Number of Government, Public and Estate Toddy Shops in Unfederated Malay States (UMS) and Total Amount Of Revenue For The Year 1936*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 2014/1356. (1937). *Provision in 1357H, Estimates for The Wages of Toddy Salesman, Coolies etc. at Government Toddy Shop at Gurun, Bandar Bahru and Sungei Kechik Ulu*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 2414/1359. (1941). *Tenders for the Supply of Toddy to Government Toddy Shops during 1360H*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail SUK 407/1357. (1938). *Tenders for the Supply of the Toddy to Government Toddy Shops during 1357H*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Perlis dan Kedah.

Fail SUK 3612/58. (1940). *Petitions of Tenders for Supply of Toddy for 1359H*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Perlis dan Kedah.

2. Annual Report

Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1930. (1931). Calcutta: Government of India, Central Publication Branch.

Annual Report of The Agent of The Government of India In British Malaya For The Year 1934. (1935). Calcutta: Government of India, Central Publication Branch.

Annual Report of Social Economic Progress in The State of Kedah A.H.1355/ A.H. 1356 and Annual Report of Report Labour Department of Kedah 1937/1938. (1938). Alor Setar: Kedah Government Printing Office.

KAR 1328H. *Kedah Labour Department Report For The Year 1910*. (1910). Alor Setar: Kedah Government Printing Office.

KAR, *Kedah Labour Department Report For The Year 1356H*. (1935). Alor Setar: Kedah Government Printing Office.

KAR, *Kedah Labour Department For the Year 1356H*. (1937). Alor Setar: Kedah Government Printing Office.

B) Sumber Sekunder

1. Buku

(i) Kamus

Oxford English-Malay Dictionary (2004) (2nd Ed.). Oxford: Oxford University Press.

(ii) Buku

Arasaratnam,S.(2004). *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Azharuddin Md. Dali (2012) *Masyarakat India di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

J.H. Brabble. (1973). *Rubber in Malaya 1876 - 1922: The Genesis of The Industry*, Kuala Lumpur:Oxford University Press.

Major David Ng dan Muzafar D.J.Tate. (1989) *Lifestyles 1900-1930 Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Parameswari Krishnan. (2021). *Todi Di Kalangan Masyarakat India Ladang di Tanah Melayu 1900 -1957*, Selangor: Firdaus Press.

2. Thesis

A.Ankiah, Robert. (Sesi 1992/1993). *Senario Politik Masyarakat India Antara 1910-1945 di Malaya*. Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

Bathanathan Vello. (Sesi 2002/2003). *Perkembangan Masyarakat India di Negeri Kedah Antara Tahun 1900 -1945*. Tesis B.A. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Daniel,J.R. (1980). *A Socio Economic Study of Indians in The Rubber and Oil Palm Estates in The State Of Perak and Selangor*. M.A. Thesis, History Department, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Kannan Nadaraja, (2002). *Kemelesetan Ekonomi Dunia 1929-1933: Kesan Sosioekonomi Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu*. Tesis PhD, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

K, Kartiayini. (Sesi 2010/2011). *Todi Dalam Masyarakat India di ladang Di Selangor, 1890 -1945*. M.A. Dissertation, History Department, University of Malaya, Kuala Lumpur.

- R, Nagendra Lingan. (Sesi 1973/1974). *The History Of Toddy – An Impact On The Socio Economic Sphere of The Indians in District of Kuala Langat 1900- 1973*. B.A. Thesis. School of Humanities, University Science of Malaysia, Pulau Pinang.
- Tan Chon Huwah, (Sesi 1996/1997). *Buruh-buruh Estet India di Kedah 1909 -1941*. Tesis M.A. Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.